

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

Huraian Sukatan Pelajaran

PENDIDIKAN SENI VISUAL

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
2002

KANDUNGAN

	Mukasurat
Rukun Negara	i
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ii
Kata Pengantar	iii
Pendahuluan	iv - vi
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	vii
Penilian Dalam Pendidikan Seni Visual	viii - x
Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 1	1 – 9
Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 2	10 – 18
Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 3	19 - 27
Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 & 5	28 - 42

Rukun Negara

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia untuk generasi masa kini dan akan datang. Penyemakan kurikulum memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat menyediakan peluang pendidikan berterusan yang memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Penggubalan ini bertujuan untuk menyediakan warga Malaysia yang mampu menghadapi cabaran pendidikan masa kini selaras dengan perubahan globalisasi yang pesat.

Huraian Sukatan Pelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mengandungi pelbagai aktiviti untuk membentuk keperibadian murid yang celik budaya, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Adalah diharapkan dengan adanya Huraian Sukatan Pelajaran ini, para guru akan dapat memainkan peranan memperkembangkan potensi murid khususnya dalam kegiatan pemikiran, penyataan idea, ekspresi diri dan penghasilan. Sesuai dengan perkembangan semasa dan akan datang beberapa cadangan aktiviti pembelajaran telah dipertingkatkan.

Dalam pembinaan bahan kurikulum ini, banyak pihak telah memberi sumbangan terutamanya guru-guru, pensyarah-pensyarah maktab dan universiti serta pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat.

Dr. Sharifah Maimunah bt. Syed Zin
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDIDIKAN SENI VISUAL

PENDAHULUAN

Pendidikan Seni Visual menjurus kepada seni tampak dan tidak merujuk kepada seni lain seperti seni muzik, seni sastera, seni tari, dan seni mempertahankan diri.

Pendidikan Seni Visual sekolah menengah lebih menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan. Proses ini menyentuh perasaan estetik dan daya kreativiti individu melalui penajaman daya intuisi, persepsi, imaginasi dan konsepsi murid. Dengan ini, murid diharapkan dapat mengamalkan pertimbangan seni visual, meningkatkan lagi kepekaan, menjadi pengkarya yang rasional dan mampu mengendalikan kehidupan dengan membawa bersama nilai yang disebutkan.

Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah, merangkumi perkara yang berkait dengan seni halus, komunikasi visual, reka bentuk dan kraf tradisional. Murid dilatih untuk melihat sesuatu dengan perspektif yang lebih luas sama ada daripada aspek estetik mahupun aspek gunaan. Melalui kefahaman aspek di atas, murid dapat diterapkan dengan penghayatan warisan Seni Visual dan mengamalkannya dalam kehidupan, terutama dalam meningkatkan nilai hidup. Murid akan didedahkan dengan ilmu seni visual yang berkaitan dengan bidang tertentu dan menerapkan budaya menghargai serta mengaplikasi ilmu yang diperolehi bersama.

MATLAMAT

Matlamat Pendidikan Seni Visual sekolah menengah adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Kandungan kurikulum berupaya membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaaan.

OBJEKTIF

Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah bertujuan untuk:

- menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan
- memupuk budaya penyelidikan dalam proses penghasilan karya seni visual
- meningkatkan pengetahuan, daya kreativiti, inovasi, disiplin, serta kemahiran dalam bidang seni visual yang dapat diamalkan dalam kehidupan dan kerjaya
- menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik dan teknologi untuk mereka cipta barangan kraf dan produk seni visual yang berkualiti
- membuat diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian terhadap karya seni visual
- mendapat nilai tambah dalam disiplin sains, teknologi dan mata pelajaran lain
- menghargai sumbangan dan pengaruh tokoh-tokoh seni visual dalam konteks perkembangan sejarah seni visual di Malaysia dan antarabangsa
- menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya
- menyedari dan menghargai suasana seni dalam persekitarannya dan kaitan dengan keselesaan hidup
- membina jati diri ke arah pembentukan negara bangsa

TUMPUAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Setiap manusia secara lumrahnya harus menghargai keindahan ciptaan Tuhan. Dalam konteks Pendidikan Seni Visual, keindahan merujuk kepada keselesaan dan ketenteraman bagi mencapai kesejahteraan yang membawa nilai kebaikan. Ini bermakna nilai estetik dan etika diterapkan kepada murid melalui pendidikan seni visual.

Antara nilai yang sesuai diterapkan dalam Pendidikan Seni Visual ialah:

- Menghargai keindahan dan keharmonian alam ciptaan Tuhan dan hubungan dalam masyarakat serta berusaha memeliharanya.
- Peka terhadap keadaan keharmonian, keindahan dan keselesaan dalam segala perbuatan.
- Sentiasa memberi perhatian kepada ketelitian dan kehalusan kerja seperti menggunakan alat dan bahan dengan betul, merancang kerja dengan

teratur, kesungguhan terhadap proses penghasilan dan memberi perhatian kepada kemasan.

- Menghargai hasil-hasil seni sebagai warisan budaya.
- Menghargai tokoh seni dan sumbangan mereka terhadap perkembangan budaya.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Huraian Sukatan Pelajaran merupakan dokumen sokongan bagi Sukatan Pelajaran yang mengandungi perincian kurikulum dari tingkatan 1 hingga 5. Buku ini juga mengandungi objektif pembelajaran bagi setiap tahun. Tujuannya ialah untuk memudahkan guru merancang pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Perincian kurikulum untuk setiap tahun dipersembahkan mengikut tiga lajur iaitu Bidang, Hasil Pembelajaran dan Cadangan Aktiviti Pembelajaran.

Lajur **Bidang** menampakkan salah satu daripada dua bidang dalam Pendidikan Seni Visual KBSM. Setiap bidang pula dipecahkan kepada unit pembelaran masing-masing.

Di dalam lajur **Hasil Pembelajaran** dimuatkan skop pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Di samping itu, pencapaian yang boleh dikuasai oleh murid mengikut kebolehan mereka diperinci mengikut aras.

Lajur **Cadangan Aktiviti Pembelajaran** pula memaparkan beberapa aktiviti yang sesuai yang boleh dijalankan di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual mengikut bidang tertentu.

Penjelasan tentang aras adalah seperti berikut:

Aras	
Aras 1	Pemahaman yang jelas tentang konsep, fungsi dan penghayatan.
Aras 2	Penggunaan alat, bahan dan teknik yang sesuai untuk penghasilan bahan.
Aras 3	Aktiviti di aras ini menitikberatkan peningkatan penghasilan bahan yang berkualiti, kreatif serta mampu membuat kritikan.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendidikan Seni Visual menyarankan penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersepadu dengan mata pelajaran lain. Penggunaan strategi yang sesuai dengan isi kandungan pengajaran adalah digalakkan bagi memupuk minat murid.

Pengenalan strategi pengajaran dan pembelajaran seperti Teori Kecerdasan Pelbagai, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Kontekstual, Konstruktivisme, Pembelajaran Akses Kendiri, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, Belajar Cara Belajar, dan Pembelajaran Masteri adalah selaras dengan visi dan misi Pendidikan yang berhasrat untuk menyempurnakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pemilihan dan penentuan aktiviti seni visual hendaklah yang terdekat dengan murid dari segi pengalaman, imaginasi, alat dan bahan. Sesuatu projek yang diperkenalkan perlu selaras dengan kesediaan, kemampuan, kebolehan, penumpuan, pengalaman dan pemerhatian murid. Kegiatan yang menarik minat seperti kegiatan yang mencetus idea melalui aktiviti penerokaan amatlah digalakkan sama ada secara manual atau berbantukan komputer.

Proses penghasilan karya dan peningkatan pembelajaran yang berterusan perlu diberi penekanan dan penilaian. Hasil kerja murid hendaklah dipamerkan sebagai penghargaan.

Murid digalakkan menyimpan rekod pengalaman pembelajaran dan hasil kerjanya sendiri. Amalan ini akan melatih murid membuat analisis, sintesis dan refleksi terhadap pembelajarannya untuk faedah sendiri. Rekod ini juga akan membolehkan guru membantu dan menilai perkembangan pembelajaran murid.

PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL

Penilaian dalam Pendidikan Seni Visual bukan hanya melibatkan pengujian dan pengukuran tetapi penilaian secara keseluruhan. Penilaian secara keseluruhan membolehkan murid mengabungkan kefahaman kognitif, psikomotor dan afektif mereka. Aspek kognitif meliputi kefahaman tentang unsur seni, prinsip rekaan, pengetahuan tentang alat serta teknologi bahan, bentuk gubahan serta kemasan dan pemahaman dan penghargaan. Aspek psikomotor pula melibatkan penilaian proses dalam penghasilan bahan. Penilaian aspek afektif pula dijalankan melalui pemerhatian, sikap dan perlakuan murid yang direkod.

Keberkesanan program mata pelajaran ini dapat diukur melalui Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Penilaian berasaskan sekolah perlu dirancang dan dikendalikan secara berterusan dan sistematik dari segi pembinaan alat penilaian dan pentadbirannya. Penilaian yang berkesan mengambilkira keperluan sekolah serta ciri murid itu sendiri dari segi gaya pembelajaran dan kecerdasan murid.

Terdapat tiga kaedah penilaian dalam Pendidikan Seni Visual iaitu pemerhatian, lisan dan interaksi dan penulisan. Kaedah pemerhatian adalah proses penilaian yang melibatkan guru secara aktif. Guru memerhati, membuat inerpretasi dan menilai aspek-aspek yang diperhatikan. Melalui kaedah ini, penilaian dapat dijalankan ke atas proses dan hasil kerja murid.

Pemerhatian proses adalah penilaian yang menitikberatkan proses penghasilan bahan. Guru perlu memerhati cara murid mentafsir, mengelola idea, pewujudan idea dan cara mereka menggunakan alat. Sekiranya proses tidak dilakukan dengan betul, guru perlu memberi bimbingan yang sewajarnya. Perkara-perkara yang perlu dititikberatkan adalah pewujudan idea di mana proses murid menentukan tema dan peningkatan idea mereka perlu diambil kira. Selain daripad itu, pemilihan dan penyediaan alat dan bahan, proses dan teknik yang

dipilih dan kemasan adalah beberapa elemen yang perlu diperhatikan.

Pemerhatian hasil kerja adalah penilaian pencapaian kebolehan dan kemahiran murid yang diperlihatkan pada hasil kerja. Kriteria-kriteria yang relevan dalam penilaian adalah gubahan, interpretasi, kemahiran, fungsi, keaslian, kreativiti dan kemasan.

Aspek afektif juga boleh dinilai oleh guru semasa menggunakan kaedah pemerhatian. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, nilai-nilai yang sesuai diperhatikan adalah kebersihan dan keteraturan, keselamatan, ketekunan, bekerjasama, ketelitian dan kesempurnaan.

Penilaian secara lisan dan interaksi ialah satu kaedah penilaian di mana guru berinteraksi dengan murid untuk mengetahui tahap penguasan murid terhadap aspek seni, kemahiran berkomunikasi dalam bahasa seni dan menilai potensi murid dalam kemahiran berfikir. Aktiviti-aktiviti lisan yang boleh dijalankan ialah soal jawab, peta minda, kuiz, temubual, teka teki, forum, seminar, lakonan dan sumbangsaran. Perkara-perkara yang boleh dinilai secara lisan adalah penguasan pengetahuan, pemahaman konsep, penguasan kemahiran berfikir dan belajar, kemahiran berbahasa seni dan sosial, perkembangan daya kreatif dan mengenalpasti perlakuan emosi, perasaan dan perubahan sikap murid.

Penilaian secara penulisan pula dapat mengesan dan mengukur perkembangan dan pemahaman murid dalam pelbagai aspek pengetahuan serta merekod proses dalam bentuk folio. Penilaian menggunakan kaedah penulisan dapat merangsang pemikiran murid secara logikal, kritikal dan analitikal. Murid juga digalakkan membuat kajian, eksperimentasi serta membuat perancangan. Melalui penilaian ini, guru dapat menilai tahap penguasan pengetahuan, pemahaman konsep, proses dan teknik serta kemahiran bahasa seni dan kemahiran berfikir.

Pembinaan soalan-soalan obejktif dan subjektif harus menggambarkan pembelajaran secara keseluruhan yang menitikberatkan aras kesukaran berasaskan *taxonomy* Bloom seperti ingatan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Selain daripada ujian berbentuk objektif dan subjektif, penyediaan folio murid juga boleh dinilai menggunakan kaedah penilaian secara penulisan. Melalui penyediaan folio, murid dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman seni mereka. Murid juga berpeluang memperlihatkan tahap pengetahuan, penguasan kemahiran, perkembangan minat dan daya kreatif serta sikap mereka dalam penghasilan folio. Folio-folio dinilai mengikut kriteria seprti kajian yang dijalankan oleh murid, perkembangan idea melalui lakaran, rangka sebenar yang dihasilkan dan persembahan.

Murid di sekolah menengah berupaya membuat penilaian kendiri. Guru boleh mengalakkan murid menilai kekuatan dan kelemahan masing-masing dalam pembelajaran serta menilai amalan dan sikap masing-masing bagi mempertingkatkan pembelajaran masing-masing. Murid boleh menjalankan penilaian kendiri dengan menilai hasil kerja sendiri, mengadakan perbincangan dengan guru atau rakan sebaya, dengan membuat perbandingan hasil kerja dan dengan mengisi borang penilaian kendiri. Penilaian kendiri lebih bermakna sekiranya murid berupaya memperbaiki kelemahan yang dikenalpasti.